



JABATAN PERDANA MENTERI  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

## **KENYATAAN MEDIA**

### **FORUM MENGENAI KEUPAYAAN MENTAL (*MENTAL CAPACITY*) DI MALAYSIA**

**PUTRAJAYA, 21 MEI 2024** – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB M. Kula Segaran telah merasmikan forum mengenai cadangan penggubalan Akta Keupayaan Mental selaras dengan hasrat YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia untuk memperkasakan reformasi institusi dan sistem perundangan negara.

Akta Keupayaan Mental yang dicadangkan ini antara lain, bertujuan untuk membantu dan membolehkan seseorang untuk melaksanakan tindakan persediaan awal bagi dirinya daripada aspek pengurusan harta, keputusan perundangan, hal ehwal perubatan dan lain-lain keputusan/pengurusan dengan mengguna pakai suatu *Lasting Power of Attorney* sekiranya seseorang itu menjadi tidak upaya dari segi mental (*mentally incapacitated*) pada bila-bila masa sepanjang hayatnya. Persediaan ini boleh dibuat sebelum seseorang itu menjadi tidak upaya daripada segi mental.

Forum yang telah dianjurkan pada hari ini adalah kerjasama strategik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bersama Medico-Legal Society of Malaysia yang memfokuskan keadaan masyarakat yang akan menghadapi fasa populasi penuaan (*ageing population*).

Forum ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Dewan Negara, YB Senator Tuan Isaiah D Jacobs, YB Senator Puan Wan Martina Wan Yusoff, Ahli Parlimen Ampang, YB Puan Hajah Rodziah binti Ismail, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor, YB Puan Michelle Ng Mei Sze dan

YB Puan Lim Yi Wei serta wakil dari agensi/kementerian/jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dan Kementerian Ekonomi dan wakil-wakil dari organisasi masyarakat sivil (CSO) dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi menjayakan forum yang pertama kali diadakan.

Fokus utama forum ini adalah untuk memberi penjelasan mengenai konsep keupayaan mental individu seiring dengan prinsip ihsan yang diterapkan oleh Kerajaan MADANI dalam memperkasakan sistem perundangan negara dengan menggubal Akta Keupayaan Mental di Malaysia.

Forum ini merupakan langkah pertama dan kerjasama Kerajaan MADANI dengan pelbagai pihak berkepentingan swasta. Bagi mencapai menggubal Akta Keupayaan Mental yang holistik sesi libat urus serta bengkel penetapan dasar perlu dilaksanakan pada tahun ini.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI  
21 MEI 2024**